



KENYATAAN MEDIA

4 JANUARI 2019 / 28 RABIULAKHIR 1440H (JUMAAT)

PENGUMUMAN PELANTIKAN PENGERUSI PERDA, UNITEK - MARA DAN MARA CORP

YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Luar Bandar hari ini mengumumkan pelantikan satu (1) pengerusi bagi Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) dan dua (2) Anak Syarikat di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). Pengumuman yang dibuat beliau adalah melibatkan pelantikan Pengerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Pengerusi Universiti Teknikal MARA (UNITEK-MARA) dan Pengerusi MARA Corporation Sdn Bhd. (MARA CORP). Pengumuman ini dibuat selepas cadangan YB Menteri mendapat persetujuan daripada YAB Perdana Menteri.

Melalui cadangan itu, KPLB telah melantik Mohamed Haniff Khatri Abdulla sebagai Pengerusi PERDA yang sebelum ini disandang sementara oleh Ketua Setiausaha KPLB. Mohamed Haniff Khatri Abdulla yang merupakan pemegang Ijazah Sarjana LLB (Hons) dari London School of Economics (LSE) adalah seorang peguam yang berkhidmat selama 19 tahun bersama Majlis Peguam Malaysia.

Pengumuman pelantikan yang juga melibatkan dua (2) anak syarikat MARA yang menyaksikan Profesor Emeritus Datuk Dr. Sukiman Sarmani dilantik sebagai Pengerusi UNITEK – MARA dan Encik Akhramsyah Muammar Ubaidah bin Sanusi dilantik sebagai Pengerusi MARA Corporation Sdn Bhd.

Prof. Emiretus Datuk. Dr. Sukiman Sarmani memperoleh gelarannya dari University of Reading pada tahun 1976 dalam bidang *Radiochemistry Lanjutan* dari University Kebangsaan Malaysia pada 1973. Beliau terlibat dengan Penyelidikan dan Pembangunan seperti Offshore Oil Production EPMI, Terengganu dan Pembangunan Kualiti Air, Jabatan Alam Sekitar.

Mana kala, Akhramsyah Muammar Ubaidah Bin Sanusi memperoleh pendidikan awal di Maktab Rendah Sains MARA Balik Pulau, Pulau Pinang yang juga merupakan pemegang Ijazah Sarjana Kejuruteraan Kimia dari Imperial College, London. Beliau telah berkhidmat selama 16 tahun sebagai seorang jurutera, konsultan dan pengurusan sebuah syarikat petroleum antarabangsa yang terkemuka.

YB Datuk Seri Rina Mohd Harun
Menteri Pembangunan Luar Bandar
4 Januari 2019